

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam TIGA [3] muka surat.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Berikan satu definisi 'bahasa'.
(b) Apakah perbezaan tatabahasa pendekatan deskriptif dan tatabahasa pendekatan preskriptif?
2. SAMA ADA
(a) Perikan perubahan penting yang dilaksanakan dalam ejaan Jawi yang disempurnakan (EJYD, 1984).
ATAU
(b) Perikan perubahan penting dalam sistem ejaan Rumi (1972) yang menggantikan sistem ejaan Rumi yang lama.
3. (a) Perikan dan lukiskan gambar rajah yang sesuai bagi setiap penghasilan segmen fon yang berikut:
 - i. [ɛ] dan [ʏ]
 - ii. [ɲ] dan [ŋ]
 - iii. [b] dan [g]

- (b) Nyatakan segmen bunyi yang tidak mempunyai ciri-ciri yang sama dan berikan sebabnya.
- i. [n], [m], [p], [ʃ]
 - ii. [p], [g], [t], [k]
- (c) Apakah perbezaan di antara bunyi vokal dengan konsonan? Perikan sistem vokal bahasa Malaysia.
4. (a) Berikan definisi "morfem" dan bincangkan secara ringkas kelemahan definisi tradisional (seperti yang dikemukakan oleh Abdullah Hassan, 1980).
- (b) Bagi setiap bahagian, I, II dan III pilih satu [1] pembentukan kata yang paling tepat dan tunjukkan bagaimana ia diterbitkan.
- I. i. mengetepikan ii. mengeneipikan ✓
iii. mengkenepikan
 - II. i. membom ii. mengebom, iii. mengbom
 - III. i. pentauliahian ✓ ii. penauliahian
iii. pengtauliahian
- (c) Berikan alasan kenapa prosedur Item dan Atur yang paling sesuai dalam analisis morfologi bahasa Malaysia jika dibandingkan dengan prosedur Item dan Proses; dan Item dan Paradigma.
5. (a) Berikan pola-pola ayat dalam bahasa Malaysia, seperti yang dikemukakan oleh Abdullah Hassan, 1980 dan untuk setiap pola ayat, konstruksikan ayat yang sesuai.

(b) Dengan menggunakan Rumus Struktur Frasa dan bahagian leksikon penuh dengan ciri-ciri sub-kategori, terbitkan ayat-ayat yang berikut:

- i. Ali menari di atas meja.
- ii. Ali memukul Abu di depan rumah saya.

Jawapan anda mesti disertai dengan gambar rajah pohon ayat yang betul dan pastikan tidak terhasil ayat-ayat yang tidak gramatis seperti:

- *Ali menari.
- *Ali menari meja.
- *Ali memukul.
- *Ali memukul di depan rumah saya.

6. Daripada pemerhatian anda, nyatakan sejauh mana pelaksanaan sebutan baku Bahasa Malaysia berjaya.

-oooOooOoo-